

Siapa Sepatutnya Berundur?

Sebelum bersara, Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan ahli politik veteran agar sedia memberi lebih tempat kepada golongan muda. Adakah kelompok terbabit sanggup pula mendengar amanat terakhir beliau itu?

Oleh AMREE AHMAD

2003

TAHUN ini, Malaysia telah menyaksikan pengunduran dua orang pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN). Peletakan jawatan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik pada 24 Jun lalu mungkin lebih mendapat tempat di kalangan pemerhati politik tempatan berbanding pengumuman yang sama oleh Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS), Datuk Amar Leo Moggie pada keesokan harinya. Ini berlaku mungkin kerana pergelutan politik yang membawa kepada persaraan Liong Sik berlaku agak unik dan dramatik

sehingga MCA terpaksa mendapatkan campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN. Sementara kes Leo Moggie sebagai Presiden PBDS meskipun menggunakan formula Dr. Mahathir, bukan bersifat politik nasional.

Hakikatnya, dua tokoh itu kini tidak lagi menerajui parti masing-masing. Liong Sik yang pernah dipecat daripada MCA berjaya memimpin parti Cina terbesar itu selama 17 tahun selepas menggantikan jawatan Tan Koon Swan pada tahun 1986. Tempoh Leo Moggie lebih lama iaitu 20 tahun apabila beliau menubuhkan PBDS setelah 'keluar' daripada Parti Nasional Sa-

rawak (SNAP).

Hujung bulan ini pula, negara bakal kehilangan Dr. Mahathir yang mengumumkan secara mengejut pengunduran daripada semua jawatannya pada Perhimpunan Agung UMNO tahun lepas. Sumbangan beliau selama 22 tahun sebagai ketua kerajaan, ketua UMNO dan ketua BN pastinya diingati walaupun barangkali ada pihak tertentu yang merasakan langkah pengunduran itu terlalu awal walaupun beliau telah berusia 77 tahun.

Beberapa pemimpin BN yang agak lama di kedudukan masing-masing kelihatan resah dengan keputusan yang Dr. Mahathir ambil sungguhpun dari segi sta-

24

MASSA

18 - 24 OKTOBER 2003

tus quo mereka dilihat selesa dalam parti yang dipimpin. Selain kebetulan tiada pencabar atau barisan pelapis yang jelas mampu mengambil alih pucuk kepimpinan parti, hanya ajal boleh menentukan masa depan jawatan yang mereka pegang itu.

Ada juga kalangan ahli politik veteran BN pernah mengutarakan pandangan agar pemimpin sedemikian berundur sahaja secara sukarela bagi memberi ruang kepada muka baru. Malangnya, pendapat ikhlas kelompok itu dipandang sinis. Ia dituduh sebagai ada agenda tersembunyi di sebalik dakwaan tiada pula masalah besar yang melanda parti itu sehingga perlu berundur.

Akhirnya Dr. Mahathir sendiri terpaksa memberi nasihat. Katanya, berundurlah. Berilah peluang kepada muka baru. Dan mungkin itu juga amanat terakhir beliau sebelum melepaskan semua jawatan pada 31 Oktober ini. Dr. Mahathir menyatakan pandangannya itu dalam temu bual khas dengan *Bernama* pada 14 Oktober lalu.

"Nasihat itu memang kena pada masanya. Bayangkan jika Dr. Mahathir tak 'buka mulut', pemimpin terbabit mungkin rasa nasihat orang lain itu sebagai musuh politik. Tapi jika itu kata Dr. Mahathir, barulah mereka tiada alasan lagi kera-

na cakap Perdana Menteri ibarat arahan secara tidak langsung," kata tokoh veteran UMNO, Tan Sri Aishah Ghani kepada MASSA.

Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita itu ternyata kecewa memandangkan para pemimpin BN berkenaan seperti buat tidak faham bahawa mereka telah memegang tampuk terlalu lama. "Pemimpin jenis ini memang tidak sedar diri. Jika jasanya sumpama Dr. Mahathir mungkin tidak jadi soal. Tapi ada pula semacam liat... kalau boleh hendak memimpin sampai mati," ujarnya kesal.

Dalam temu bual dengan *Bernama*, Dr. Mahathir tidak menyatakan dengan jelas ahli politik veteran yang dimaksudkan itu. Kalangan pemerhati politik menamakan Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu selain Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik serta Ketua Menteri Sarawak dan juga Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Tidak ketinggalan Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad yang hampir memecahkan rekod bekas Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad. Mohamad Isa sudah 21 tahun memegang teraju negeri Minang itu di sebalik Wan Mokhtar yang pernah mengetuai kerajaan negeri paling lama di Malaysia iaitu selama 25 tahun.

Dalam rekod kabinet, Samy Vellu kini sudah 22 tahun menerajui MIC manakala

Keng Yaik dan Abdul Taib sebenarnya berkhidmat setahun lebih lama apabila dilantik ke jawatan masing-masing pada 1980. Di kalangan pembangkang, Lim Kit Siang pernah memegang jawatan paling lama sebagai wakil rakyat dan Setiausaha Agung DAP iaitu selama 30 tahun.

"Walaupun siapa sekalipun, nasihat Dr. Mahathir itu seperti siapa makan cili, dialah yang terasa pedasnya. Jika pemimpin terlibat itu ikhlas dalam perjuangan dan sayang terhadap masa depan BN, sewajarnya mesej itu tidak dilihat sebagai satu masalah," kata penganalisis politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Shamsul Amri Baharuddin.

Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) di UKM itu berkata, memang pahit bagi seseorang pemimpin politik veteran melepaskan jawatan begitu sahaja kecuali jika kalah dalam pemilihan atau meninggal dunia. "Namun, jika dia sanggup buat demikian, pandangan dan penghormatan masyarakat akan lebih tinggi," jelas beliau.

Hanya masa dapat menjawab siapakah tokoh politik veteran yang akan berundur bagi menyahut nasihat dan mengikut jejak Dr. Mahathir selepas ini. Sejarah turut membuktikan pengunduran secara sukarela akan lebih dikenang. Memetik kata-kata Dr. Mahathir sendiri, adalah lebih baik berhenti 'makan' ketika belum lagi rasa kenyang. □